



## **NOTIS: PERUBAHAN KEPADA DANA BERKAITAN PELABURAN ZURICH TAKAFUL**

Pelanggan Yang Dihargai,

Terima kasih kerana terus memberi kepercayaan kepada Zurich Takaful Malaysia Bhd (“ZTMB”) untuk memenuhi keperluan perlindungan anda.

Di ZTMB, pelaburan secara bertanggungjawab adalah sebahagian penting daripada falsafah dan pendekatan pelaburan kami. Bagi kami, usaha ini bermaksud menguruskan aset dengan cara yang mampu mencipta nilai mampan. Kami menjalankan penilaian secara berkala ke atas dana-dana kami untuk memastikan bahawa kami terus berpegang kepada komitmen untuk menjana pulangan terlaras risiko yang terbaik bagi para pelanggan dan pemegang saham kami.

Dalam penilaian yang kami buat baru-baru ini, kami mendapati terdapat keperluan untuk menyemak semula ciri-ciri dana berkaitan Pelaburan (IL) kami untuk menyediakan tawaran dana lebih baik dan meningkatkan potensi pulangan bagi pelanggan kami. Cabang pengurusan pelaburan Zurich, iaitu Investment Management Malaysia (IM Malaysia) di bawah Zurich Life Insurance Malaysia Berhad telah mencatatkan prestasi kukuh dan konsisten untuk menguruskan portfolio pelaburan termasuk aset-aset patuh Syariah selama ini.

Oleh yang demikian, ZTMB telah membuat keputusan untuk menggunakan khidmat IM Malaysia untuk menguruskan beberapa dana, dengan matlamat untuk menyediakan tawaran lebih baik dan meningkatkan potensi pulangan. Perubahan ini melibatkan beberapa aspek, termasuk perubahan pengurus dana, penanda aras dana, dan strategi pengurusan risiko, yang mana berkenaan. Butiran tentang perubahan ini boleh didapati dalam Lampiran 1 di Soalan Lazim (SL) yang dilampirkan bersama surat ini.

Berikut adalah ringkasan perubahan yang dibuat: -

Struktur Sedia Ada		Struktur Baharu	
Dana	Pengurus Dana Semasa	Pengurus Dana Baharu	Skop Perubahan (Sila rujuk Lampiran 1 untuk info lengkap)
Shariah Growth 2	RHB	ZLIMB (IM Malaysia)	Pengurus Dana
Shariah Balanced 2	RHB	ZLIMB (IM Malaysia)	Pengurus Dana, Penanda Aras Dana & Strategi Risiko
Shariah Income 2	RHB	ZLIMB (IM Malaysia)	Pengurus Dana, Penanda Aras Dana & Strategi Risiko
Shariah Flexi 2	RHB	ZLIMB (IM Malaysia)	Pengurus Dana, Penanda Aras Dana & Strategi Risiko

**Nota:**

RHB: RHB Islamic International Asset Management  
ZLIMB: IM Malaysia - Zurich Life Insurance Malaysia Bhd

Sekiranya anda tidak bersetuju dengan perubahan di atas, anda boleh bertukar dana dengan menjual unit dalam Dana (tertakluk pada yuran yang berkenaan) dan melaburkan semula jumlah yang diterima ke dalam mana-mana dana berkaitan pelaburan lain yang ditawarkan oleh ZTMB.

Untuk melakukan proses pertukaran dalam talian, anda boleh log masuk ke portal bersepadu pelanggan MyZurichLife di <https://zurich.my/MyZurichLife-login>. Jika anda tidak mempunyai akaun dengan MyZurichLife, daftar untuk akaun di sini: <https://zurich.my/MyZurichLife-register>.

Untuk maklumat dan perkembangan terkini mengenai dana berkaitan pelaburan Zurich, sila kunjungi <https://zurich.my/takaful-funds>. Anda juga boleh menghubungi Perancang Kekayaan anda sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut. Di samping itu, anda juga boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan di 1-300-888-622, e-mel kami di [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my), atau kunjungi cawangan Zurich Takaful yang terdekat.

Terima Kasih.

## **DANA BERKAITAN PELABURAN – PERUBAHAN**

### **Soalan Lazim**

#### **1. Apakah perubahan yang telah dibuat?**

Dengan membuat perubahan kepada dana, kami ingin menyediakan tawaran yang lebih baik dan meningkatkan potensi pulangan kepada para pemegang unit kami. Antara lain, usaha ini melibatkan – perubahan pengurus dana (daripada RHB Islamic International Asset Management (“RHB Islamic”) kepada Investment Management Malaysia di bawah Zurich Life Insurance Malaysia Bhd (“ZLIMB”)), menetapkan penanda aras baharu dan mengubah strategi risiko, yang mana berkenaan.

#### **2. Manakah di antara dana berkaitan pelaburan (IL) Zurich Takaful yang terlibat dalam perubahan ini?**

Pada asasnya, semua dana berikut terlibat dalam perubahan di atas:-

- 1) Zurich Takaful Shariah Growth 2;
- 2) Zurich Takaful Shariah Balanced 2;
- 3) Zurich Takaful Shariah Income 2; and
- 4) Zurich Takaful Shariah Flexi 2.

Sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk butiran lanjut.

#### **3. Adakah saya akan diberi pilihan jika saya tidak bersetuju dengan perubahan ini?**

Ya, pemegang unit boleh mempunyai pilihan untuk bertukar kepada mana-mana dana yang disediakan sebelum tarikh kuat kuasa atau mereka boleh menyerahkan unit-unit mereka.

#### **4. Apakah manfaat perubahan ini kepada para pemegang unit?**

Matlamat kami ialah untuk menjana pulangan dan prestasi lebih baik bagi pemegang unit kami. Kami percaya perubahan pengurus dana, penetapan penanda aras baharu dan penilaian semula strategi risiko akan menambah nilai kepada portfolio pemegang unit kami pada masa depan.

#### **5. Adakah saya perlu menanggung Yuran Tahunan Wakalah Bi Al-Istithmar lebih tinggi selepas perubahan kepada dana-dana yang terbabit?**

Tidak, tiada semakan dibuat kepada yuran Wakalah Bi al-Istithmar (yuran pengurusan dana tahunan).

- 6. Bagaimana pula dengan perubahan kepada perlindungan dan ciri-ciri produk pelan Takaful berkaitan pelaburan saya yang timbul daripada penyusunan semula dana ini?**

Perlindungan dan ciri-ciri produk pelan Takaful berkaitan pelaburan anda tetap sama.

- 7. Bilakah tarikh berkuat kuasa perubahan kepada dana-dana ini?**

Perubahan kepada dana-dana yang terlibat akan berkuat kuasa mulai 25 Mac 2022.

## Lampiran 1

Dana	Pengurus Dana		Penanda aras		Penilaian Kredit (Mitigasi Risiko)	
	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu
Shariah Growth 2	RHB Islamic	ZLIMB	Indeks FTSE Bursa Malaysia a EMAS Shariah	Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
Shariah Balanced 2	RHB Islamic	ZLIMB	Pulangan sasaran mutlak 7.50% setahun	50% Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah & 50% Kadar Deposit Tetap Islam 12 bulan (Deposit Tetap-i Islam Maybank Islamic Berhad)	Untuk mengurangkan risiko gagal membayar, Dana akan melabur dalam Sukuk dan sekuriti hutang Islam dengan penarafan minimum AA	Untuk mengurangkan risiko gagal membayar, Dana akan diuruskan untuk mengekalkan kualiti kredit purata minimum A (penarafan tempatan)  Sekiranya terdapat penurunan taraf kredit, Pengurus akan mengambil kira faktor seperti kecairan urus niaga dan adanya bida pasaran pada penilaian pasaran semasa sebelum membuat keputusan tentang kaedah dan masa pelupusan demi kepentingan terbaik dana.

Dana	Pengurus Dana		Penanda aras		Penilaian Kredit (Mitigasi Risiko)	
	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu
Shariah Income 2	RHB Islamic	ZLIMB	Pulangan sasaran mutlak 5.50% setahun	Kadar Deposit Tetap Islam 12 bulan (Deposit Tetap-i Islam Maybank Islamic Berhad)	Untuk mengurangkan risiko gagal membayar, Dana akan melabur dalam Sukuk dan sekuriti hutang Islam dengan penarafan minimum A	Untuk mengurangkan risiko gagal membayar, Dana akan diuruskan untuk mengekalkan kualiti kredit purata minimum A (penarafan tempatan)  Sekiranya terdapat penurunan taraf kredit, Pengurus akan mengambil kira faktor seperti kecairan urus niaga dan adanya bida pasaran pada penilaian pasaran semasa sebelum membuat keputusan tentang kaedah dan masa pelupusan demi kepentingan terbaik dana.
Shariah Flexi 2	RHB Islamic	ZLIMB	Pulangan sasaran mutlak 9% setahun	60% Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah & 40% Kadar Deposit Tetap Islam 12 bulan (Deposit Tetap-i Islam Maybank Islamic Berhad)	Untuk mengurangkan risiko gagal membayar, Dana akan melabur dalam Sukuk dan sekuriti hutang Islam dengan penarafan minimum AA	Untuk mengurangkan risiko gagal membayar, Dana akan diuruskan untuk mengekalkan kualiti kredit purata minimum A (penarafan tempatan)  Sekiranya terdapat penurunan taraf kredit, Pengurus akan mengambil kira faktor seperti kecairan urus niaga dan adanya bida pasaran pada penilaian pasaran semasa sebelum membuat

Dana	Pengurus Dana		Penanda aras		Penilaian Kredit (Mitigasi Risiko)	
	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu	Sedia Ada	Baharu
						keputusan tentang kaedah dan masa pelupusan demi kepentingan terbaik dana.